

D157

B B318 DEB

MAHATHIR - RANCANGAN

KUALA TERENGGANU, 3 APRIL (BERNAMA) -- BANYAK LAGI PROJEK PEMBANGUNAN YANG BOLEH MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN AKAN DILAKSANAKAN DI DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML), KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PETANG INI.

SEMASA BERUCAP PADA SATU PERHIMPUNAN RAKSASA DI GONG BADAK DEKAT SINI, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN ITU JUGA BERTUJUAN DIAGIH-AGIHKAN KEPADA SEMUA KAUM DAN PERINGKAT RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR ADALAH DALAM RANGKA LAWATAN TIGA HARI KE TERENGGANU YANG BERMULA HARI INI.

MENURUT BELIAU, SALAH SATU PROJEK BESAR YANG AKAN DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH RML IALAH PEMBINAAN 80,000 UNIT RUMAH KOS RENDAH DI SELURUH NEGARA, TERMASUKLAH 3,000 UNIT DI TERENGGANU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN PROJEK ITU BUKAN SAHAJA AKAN MEMENUHI PERMINTAAN RAKYAT TERHADAP RUMAH MALAHAN MAMPU MEWUJUDKAN BANYAK PEKERJAAN, MELAHIRKAN RAMAI KONTRAKTOR, PEMBEKAL DAN PENIAGA. -- LAGI
2024MST 03 04 86

D158

B B319 DEB

MAHATHIR - RANCANGAN 2 KUALA TERENGGANU

SECARA TIDAK LANGSUNG, PROJEK ITU JUGA AKAN MEMBANTU MENGATASI MASALAH KEMELESETAN EKONOMI KERANA IA MENJADI SUMBER PENDAPATAN YANG LUMAYAN, TAMBAHNYA.

USAHA-USAHA JUGA, KATANYA, AKAN DITINGKATKAN DALAM TEMPOH LIMA TAHUN AKAN DATANG UNTUK MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK KEMUDAHAN ASAS SEPERTI SEKOLAH, KLINIK DAN JALAN RAYA DENGAN TUMPUAN KEPADA KAWASAN LUAR BANDAR.

SEMENTARA ITU, MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD BERKATA KERAJAAN NEGERI TELAH MENGENALPASTI LAPAN KAWASAN DI SELURUH NEGERI ITU UNTUK MENDIRIKAN 3,000 BUAH RUMAH KOS RENDAH TAHUN INI.

KERAJAAN NEGERI JUGA AKAN BERUSAHA MENJUAL SEMUA RUMAH BERKENAAN DI BAWAH \$25,000 DEMI KESELESAAN HIDUP SERTA MEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT YANG BERPENDAPATAN RENDAH MEMILIKI RUMAH SENDIRI.

BELIAU BERKATA PADA MASA INI KERAJAAN NEGERI, MELALUI AGENSI-AGENSI TERTENTU, SEDANG DALAM RANCANGAN MEMBINA RUMAH DI DUA BUAH KAWASAN SELUAS KIRA-KIRA 700 HEKTAR IAITU SATU DI BAHAGIAN UTARA DAN SATU LAGI DI SELATAN NEGERI ITU. -- LAGI
2026MST 03 04 86

D160

B B321 DEB

MAHATHIR - RANCANGAN 3 KUALA TERENGGANU

SEMENTARA ITU PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU TELAH MENYIAPKAN 5,878 BUAH RUMAH KOS RENDAH DAN KINI DALAM PROSES MENYERAHKANNYA KEPADA MEREKA YANG BERKELAYAKAN.

DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR BERKATA, PEMBINAAN 80,000 BUAH RUMAH KOS RENDAH DI SELURUH NEGARA TAHUN INI MERUPAKAN USAHA KERAJAAN BARISAN NASIONAL MEMBERI KESEJAHTERAAN HIDUP KEPADA RAKYAT.

IA JUGA ADALAH USAHA KERAJAAN MENJAYAKAN RANCANGAN MALAYSIA KELIMA, TAMBAHNYA. -- BERNAMA
2029MST 03 04 86